


# Wahana AKADEMIK



JURNAL ■ UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ■ CAWANGAN KEDAH ■ KAMPUS SUNGAI PETANI

Vol. 1 No. 1 ■ Jun 2002



*Hadiah  
Maj. 1*

- Analisis Fungsi Permintaan Wang di Malaysia  
Kaedah Pembolehubah Bertanggung Pelarasan Separa (Tahun 1960-Tahun 2000)
- Capital Budgeting in Investment and Project Appraisal
- Gambaran Sektor Pertanian Padi di Malaysia dan Kepenggunaan Tenaga Buruh di Sektor Tersebut
- How to Analyse Time Series Data Using Cointegration Techniques
- Key Success Factors of TQM Organizations : A Review of the Literature
- Language Enrichment Activities for Preparatory English
- Learning Styles Useful in Improving Students' Learning
- Malaysian Accounting Standards Overload?
- Motivational Styles and Instructional Designs of Second Language Learning :  
A Brief Insight into Students' Language Learning Preferences
- Pengaruh Bahasa Inggeris Terhadap Kecemerlangan Pelajar :  
Kajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani
- Perbankan Islam: Bank Islam Malaysia Berhad
- Pengaplikasian Kerajaan Elektronik oleh Jabatan Kerajaan :  
Dari Perspektif Pengurusan Rekod
- Self Assessment : An Opportunity to Reduce Tax
- The Admissibility of DNA Profiling under Islamic Law of Evidence

*Hadiah*

**UiTM**  
**(KEDAH)**



## **KANDUNGAN**

Kata-kata Aluan Penaung	i
Kata-kata Aluan Penasihat	ii
Dari Ketua Penyunting	iii
Analisis Fungsi Permintaan Wang di Malaysia Kaedah Pembolehkan Tertanggung Pelarasan Separa (Tahun 1960 – Tahun 2000)	
<i>Kamal Bahrin Shamsuddin</i>	1
Capital Budgeting in Investment and Project Appraisal	
<i>Wong Soon Heng</i>	14
Gambaran Sektor Pertanian Padi di Malaysia dan Kepenggunaan Tenaga Buruh di Sektor Tersebut	
<i>Maznah Wan Omar</i>	21
How To Analyse Time Series Data Using Cointegration Techniques	
<i>Nik Muhd Naziman Ab Rahman</i>	30
Key Success Factors of TQM Organizations: A Review of the Literature	
<i>Prof. Madya Mohammad Zaki Ayob dan Prof. Madya Fatimah Mohd Saman</i>	38
Language Enrichment Activities for Preparatory English	
<i>Ho Chui Chui</i>	52
Learning Styles Useful in Improving Students' Learning	
<i>Mak Kem Seng</i>	58
Malaysian Accounting Standards Overload?	
<i>Mohd Azhar Osman C.A. (M)</i>	68

Motivational Styles and Instructional Designs of Second Language Learning: A Brief Insight into Students' Language Learning Preferences

*Francis Xavier A.S. Rajoo* 76

Pengaruh Bahasa Inggeris Terhadap Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani

*Noor Saliza Zainal dan Normala Ismail* 87

Perbankan Islam: Bank Islam Malaysia Berhad

*Noor Saliza Zainal* 101

Pengaplikasian Kerajaan Elektronik oleh Jabatan Kerajaan: Dari Perspektif Pengurusan Rekod 109

*Asmadi Mohammed Ghazali*

Self Assessment: An Opportunity to Reduce Tax

*Wan Faizah Wan Abdullah* 115

The Admissibility of DNA Profiling under Islamic Law of Evidence

*Nor Fadzlina Nawi* 122

## **KATA-KATA ALUAN PENAUUNG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Jurnal Akademik UiTM Cawangan Kedah khasnya dan warga akademik UiTM Cawangan Kedah amnya kerana telah berjaya menerbitkan penerbitan pertama WAHANA AKADEMIK iaitu Jurnal Akademik UiTM Cawangan Kedah. Usaha ini adalah sejajar dengan cabaran era globalisasi yang memerlukan keupayaan penguasaan dalam pelbagai bidang ilmu. Masyarakat yang tidak mempunyai ilmu akan terus ketinggalan dan terkebelakang dalam segala segi. Sebagai sebuah universiti, para pensyarah dapat memainkan peranan yang penting dalam menghadapi cabaran ini kerana ilmu yang diturunkan dalam bentuk penulisan dapat mengubah nasib sesebuah masyarakat. Oleh itu para pensyarah perlulah berusaha untuk melengkapkan diri dengan meningkatkan pengetahuan tentang bidang masing-masing serta komited dengan penulisan dan penerbitan.


Saya amat berharap kewujudan jurnal WAHANA AKADEMIK akan menjadi pemacu kepada percambahan dan pertumbuhan ilmu serta menjadi saluran utama kepada penerbitan pensyarah UiTM khasnya UiTM Cawangan Kedah.

Saya juga berharap penerbitan jurnal ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga kampus UiTM khasnya dan masyarakat amnya dalam usaha untuk memperbanyakkan lagi khazanah ilmu.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas di atas kejayaan menerbitkan WAHANA AKADEMIK.

Sekian. Terima kasih.

Wassalam.



**Prof. Madya Dr. Zaliha bt. Hj. Hussin**  
Pengarah Kampus  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani

## **KATA-KATA ALUAN PENASIHAT**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Jurnal Akademik Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah di atas usaha menerbitkan WAHANA AKADEMIK. Penerbitan jurnal ini adalah selaras dengan aspirasi negara yang mahukan setiap rakyatnya mempunyai ilmu pengetahuan.

Kegiatan penulisan dalam pembentukan profesyen seorang pensyarah di institusi pengajian tinggi adalah sangat penting. Ini adalah kerana dengan melibatkan diri di dalam penulisan akademik, pensyarah dapat menunjukkan bahawa ia sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri dan berkemampuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sesuai dengan tarafnya sebagai seorang ahli akademik. Walau pun sibuk dengan beban pengajaran yang banyak, tetapi pensyarah tidak wajar menjadikannya sebagai alasan untuk tidak terlibat dalam bidang penulisan. Oleh itu, saya menyeru agar pensyarah sekalian berusaha menjadikan penulisan sebagai satu budaya serta memainkan peranan dengan sebaik-baiknya bagi menyempurnakan kegiatan yang berfaedah ini.

Saya juga berharap agar pensyarah menggunakan peluang untuk mendalami ilmu, mengemukakan pendapat dan seterusnya menyebarkan pengetahuan melalui ruang yang disediakan oleh WAHANA AKADEMIK ini dengan sebaik mungkin. Sesungguhnya penerbitan jurnal ini merupakan satu mekanisme yang dapat mempertingkatkan status akademik pensyarah UiTM Cawangan Kedah di mata masyarakat.

Sekian. Semoga segala usaha dan sumbangan bakti Jawatankuasa tuan/puan semua diberkati Allah S.W.T.

Wassalam.



**Zauyah bt. Abd. Razak**  
*Timbalan Pengarah Kampus  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani*

## **DARI KETUA PENYUNTING**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur kepada Allah kerana penerbitan pertama 'WAHANA AKADEMIK,' iaitu jurnal akademik pertama Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah akhirnya dapat diterbitkan. Usaha untuk menerbitkan jurnal ini lahir daripada kesedaran bahawa budaya penulisan perlu dipupuk di kalangan ahli akademik. 'Wahana' yang bermakna alat untuk melahirkan atau menyampaikan fikiran atau pendapat diharap akan dapat dimanfaatkan oleh ahli akademik dalam usaha untuk menyalur dan berkongsi maklumat mengenai perkembangan pelbagai bidang akademik kepada pembaca.

Semua pihak dialu-alukan untuk mengemukakan karya penulisan dan penyelidikan yang belum pernah diterbitkan untuk dimuatkan di dalam jurnal ini. Penulisan boleh dibuat dalam bentuk karya asal penyelidikan, kajian kes, ulasan artikel, pendapat dan lain-lain bentuk penulisan akademik daripada berbagai disiplin pengajian.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua penyumbang-penyumbang artikel bagi penerbitan sulung ini. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penaung, penasihat, ahli jawatankuasa jurnal, semua pensyarah serta kakitangan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam proses menerbitkan jurnal ini. Tanpa bimbingan, bantuan, sokongan dan kerjasama tersebut, penerbitan ini tidak mungkin menjadi kenyataan.

***Wan Faizah bt. Wan Abdullah***

# **PENGARUH BAHASA INGGERIS TERHADAP KECEMERLANGAN PELAJAR: KAJIAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN KEDAH, KAMPUS SUNGAI PETANI**

**NOOR SALIZA ZAINAL**

*Pensyarah Pendidikan Islam  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani*

**NORMALA ISMAIL**

*Pensyarah Ekonomi  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani  
E-Mel: malaismail@yahoo.com*

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk melihat peranan Bahasa Inggeris dalam menentukan kecemerlangan pelajar di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani. Ini adalah suatu kajian lapangan berdasarkan kepada kajian keratan rentas. Teknik analisis kajian yang digunakan adalah teknik deskriptif, korelasi dan analisis regresi. Hasil kajian menunjukkan bahawa peranan Bahasa Inggeris dalam menentukan kecemerlangan pelajar mempunyai korelasi positif dengan faktor minat pelajar terhadap Bahasa Inggeris. Sebaliknya, kajian mendapati bahawa faktor kesukaran untuk menguasai Bahasa Inggeris pula berkorelasi secara negatif dengan peranan Bahasa Inggeris dalam menentukan kecemerlangan pelajar. Hasil analisis regresi pula menunjukkan bahawa 40.5% peranan Bahasa Inggeris dalam menentukan kecemerlangan pelajar dipengaruhi oleh faktor minat pelajar terhadap Bahasa Inggeris. Bagaimanapun, kajian ini mendapati hanya 19% sahaja faktor minat pelajar terhadap Bahasa Inggeris dipengaruhi oleh faktor keluarga dan kesukaran menguasai Bahasa Inggeris.*

**Kata kunci:** **Bahasa Inggeris, Kecemerlangan, UiTM Cawangan Kedah**

## **PENGENALAN**

Kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Malaysia tidak boleh diketepikan meskipun Bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik adalah suatu kelebihan kepada pelajar itu sendiri kerana Bahasa Inggeris merupakan medium terpenting di dalam pengembangan sosio ekonomi pada masa kini. Namun begitu, pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menerapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah memberi kesan terhadap penguasaan Bahasa Inggeris golongan muda pada hari ini,

terutamanya di kalangan pelajar-pelajar bumiputera. Di antara faktor yang menyumbang terhadap kemerosotan prestasi pencapaian pelajar IPT adalah kegagalan menguasai Bahasa Inggeris dengan baik. Bagi mengatasi masalah ini, Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, umpamanya, mengkehendaki setiap pelajarnya menguasai bahasa asing iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dengan baik sebelum mengikuti Program Ijazah Pertama.

Faktor-faktor seperti taraf pendidikan keluarga, persekitaran, ekonomi, budaya, geografi dan sebagainya juga banyak mempengaruhi penguasaan Bahasa Inggeris. Menurut John Marshall, Setiausaha Pertama Pesuruhjaya British di Malaysia, ketika mengendalikan kem motivasi Bahasa Inggeris di kalangan lebih 600 orang pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Jeli, Kelantan, berpendapat bahawa sekiranya diberi peluang dan pendedahan yang sewajarnya, pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar berpotensi memperolehi kecemerlangan di dalam subjek Bahasa Inggeris. Beliau juga berpendapat bahawa ahli-ahli akademik memainkan peranan dan tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan serta kepakaran yang diperlukan (Berita Harian, 8 Julai 2000). Datuk Mustapa Mohamed, Penasihat Kementerian Kewangan, pula menyatakan bahawa ramai pelajar bumiputera yang ditaja oleh Kerajaan di beberapa buah IPTS terpilih, gagal dan belum mampu bersaing kerana lemah di dalam Bahasa Inggeris dan Matematik (Berita Harian, 3 Ogos 2000).

Ishak Haron (1999) di dalam kajiannya mengenai penggunaan Bahasa Melayu di beberapa buah IPTS yang dahulunya dimiliki oleh Kerajaan seperti Universiti Telekom Malaysia, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Tun Abdul Razak mendapati bahawa Bahasa Melayu tidak digunakan sebagai bahasa pengantar utama dan sebahagian besar pengajaran kursus teknikal dan profesionalnya dikendalikan di dalam Bahasa Inggeris. Beliau berpendapat bahawa penggunaan Bahasa Inggeris di universiti tersebut mempunyai perkaitan rapat dengan beberapa faktor dan di antaranya adalah:

- (a) Kebanyakan program ijazah yang dijalankan adalah program berkembar atau program di mana ijazahnya dianugerahkan oleh universiti luar negara.
- (b) Tenaga pengajar adalah daripada luar negara.
- (c) Kebanyakan buku teks dan rujukan di dalam bidang sains dan teknologi serta kursus-kursus profesional yang lain adalah di dalam Bahasa Inggeris.
- (d) Kebanyakan kursus-kursus yang ditawarkan berorientasikan permintaan pasaran di mana keperluan tenaga pakarnya adalah di dalam sektor perindustrian berteknologi tinggi yang berkebolehan berbahasa Inggeris.



Beliau juga mendapati bahawa permintaan terhadap pelajar bukan bumiputera dan pelajar bumiputera yang bertatarbelakangkan keluarga berpendidikan tinggi serta berkemampuan terhadap bidang sains dan teknologi serta kursus-kursus professional di dalam Bahasa Inggeris adalah lebih besar. Golongan ini lebih mudah memperolehi pekerjaan di sektor swasta dengan pulangan yang menarik kerana selain daripada mempunyai latihan teknikal dan professional, mereka juga cekap berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris, iaitu bahasa yang kerap digunakan di dalam pengurusan, pentadbiran, teknikal dan perniagaan di sektor swasta.

Mengenai sikap bahasa, Saadiah Maalip (1998) di dalam kajiannya mendapati bahawa Bahasa Inggeris mempunyai nilai yang tinggi dan merupakan unsur yang penting di dalam kemajuan bangsa, perkembangan sosio ekonomi serta sesuai dengan peredaran zaman. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa responden, terutamanya yang beraliran sains, menyedari bahawa dengan menguasai Bahasa Melayu semata-mata adalah tidak menguntungkan. Beliau bersetuju supaya Bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar di dalam sistem pendidikan.

Ramlan Goddos (1997) tidak menolak hakikat bahawa Bahasa Inggeris memainkan peranan yang penting sebagai bahasa antarabangsa walaupun penggunaan Bahasa Inggeris di IPT mungkin dianggap oleh sesetengah pihak sebagai salah satu faktor yang melemahkan usaha Kerajaan untuk memartabatkan Bahasa Melayu di IPTA mahupun IPTS. Beliau berpendapat bahawa penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah boleh menjejaskan karier dan masa depan pelajar terutamanya apabila mereka berhadapan dengan majikan yang bersikap memilih daripada sektor swasta.

Kajian yang dilakukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (1996) pula mendapati bahawa kanak-kanak Cina dan India mempunyai tahap pembacaan yang lebih baik daripada kanak-kanak bumiputera iaitu 13% dan 12% berbanding dengan hanya 2%. Kajian tersebut juga mendapati bahawa kanak-kanak yang tinggal di bandar lebih cekap membaca dan petah berbahasa Inggeris. Steinberg (1982) berpendapat bahawa kebolehbacaan seseorang individu bergantung kepada dua perkara pokok iaitu penglihatan dan kemahiran bertutur, tetapi kebolehan menulis tidaklah secara langsung menentukan kebolehan menguasai kemahiran membaca. Menurut Steinberg di dalam kajiannya juga, kanak-kanak yang boleh bertutur dengan agak baik sudah boleh diajar membaca.

Berdasarkan kajian dan pendapat di atas, maka timbul pula persoalan adakah Bahasa Inggeris berperanan menentukan kecemerlangan seseorang pelajar atau wujudnya faktor-faktor lain yang mungkin menjadi jawapan kepada persoalan tersebut seperti latarbelakang keluarga, minat dan usaha para pelajar sendiri yang perlu diambilkira sebagai faktor penyumbang ke arah kecemerlangan pelajar.

#### **PENYATAAN MASALAH**

Di Malaysia sebelum tahun 1975, Bahasa Inggeris telah dijadikan bahasa perantaraan di kebanyakan sekolah-sekolah awam sehinggalah pada tahun

1980an, penggunaan Bahasa Melayu secara perlahan-lahan telah menggantikan penggunaan Bahasa Inggeris. Bahasa Melayu seterusnya dijadikan bahasa utama di sekolah-sekolah peringkat rendah dan menengah serta beberapa IPT. Sedangkan Bahasa Inggeris hanyalah diguna dan diajar sebagai bahasa kedua (Omar, 1982). Walau bagaimanapun, didapati hampir kesemua buku rujukan yang digunakan di IPT seperti buku teks adalah di dalam Bahasa Inggeris. Situasi ini mewujudkan percanggahan amalan kepada para pelajar. Malah, ianya berkemungkinan besar menjadi salah satu faktor penyumbang ke atas kegagalan para pelajar mencapai kecemerlangan. Namun begitu, situasi ini tidaklah boleh dijadikan alasan utama kegagalan para pelajar mencapai kecemerlangan kerana masih juga terdapat segelintir pelajar yang berjaya di dalam bidang pengajian dan karier masing-masing.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

- (a) Melihat sejauh manakah Bahasa Inggeris memainkan peranan di dalam menentukan kecemerlangan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), khususnya di UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani.
- (b) Membantu pihak IPT mengenalpasti faktor-faktor penghalang kepada kecemerlangan para pelajar dan seterusnya membantu dalam pembentukan kaedah pengajaran, aktiviti kokurikulum yang lebih efektif serta membina situasi yang sesuai bagi mengatasi faktor-faktor negatif yang wujud.
- (c) Membantu para pelajar supaya dapat melihat dengan jelas faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka gagal mencapai kecemerlangan seperti yang diinginkan.

### **DEFINISI PEMBOLEHUBAH DAN PENGUKURAN**

#### **Cemerlang**

Cemerlang bagi seseorang pelajar didefinisikan sebagai keupayaan untuk mencapai suatu piawaian yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak tertentu terhadap beberapa elemen penting secara seragam seperti prestasi akademik, ketrampilan diri, daya kepimpinan, aktif di dalam kegiatan kokurikulum dan kepintaran berfikir serta pertuturan. Bagi tujuan kajian ini, cemerlang yang dimaksudkan diukur menerusi dua faktor penting iaitu prestasi akademik pelajar dan penglibatan mereka di dalam kegiatan kokurikulum.

#### **Bahasa Inggeris**

Bahasa Inggeris pula dilihat dari segi kecekapan para pelajar berbahasa Inggeris. Ianya merupakan gabungan ukuran kebolehan seseorang pelajar mendengar, memahami, bertutur, membaca dan menulis. Peranan Bahasa Inggeris di dalam kajian ini adalah sebagai satu pembolehubah bersandar yang akan dikaji pengaruhnya daripada pembolehubah tidak bersandar yang merangkumi keluarga, kesukaran menguasai Bahasa Inggeris dan minat

terhadap Bahasa Inggeris. Kebolehan pelajar berbahasa Inggeris di sini tidak diadili oleh pihak lain kecuali pelajar itu sendiri.

### **HIPOTESIS KAJIAN**

Bagi tujuan kajian ini, sebanyak tujuh hipotesis telah dibentuk seperti berikut:

#### **Hipotesis 1**

Perbezaan tanggapan di antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap peranan Bahasa Inggeris sebagai penentu kejayaan cemerlang pelajar di IPT.

#### **Hipotesis 2**

Perbezaan antara program pengajian terhadap peranan Bahasa Inggeris sebagai penentu kejayaan cemerlang pelajar di IPT.

#### **Hipotesis 3**

Perbezaan dari segi penggunaan bahan rujukan berbahasa Inggeris terhadap peranan Bahasa Inggeris sebagai penentu kejayaan cemerlang pelajar di IPT.

#### **Hipotesis 4**

Perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan dari segi minat terhadap Bahasa Inggeris.

#### **Hipotesis 5**

Hubungan dari segi pencapaian Bahasa Inggeris di peringkat SPM ke atas pencapaian Nilai Purata Gred Keseluruhan (*CGPA*) pelajar.

#### **Hipotesis 6**

Hubungan di antara faktor latarbelakang keluarga ke atas peranan Bahasa Inggeris dalam menentukan kejayaan cemerlang pelajar di IPT.

#### **Hipotesis 7**

Perbezaan antara tahun pengajian dari segi kesukaran menguasai Bahasa Inggeris.

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **Rekabentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian lapangan di mana satu atau beberapa pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar dikaji di kalangan para pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani. Unit analisis terdiri daripada para pelajar yang respons terhadap penyelidikan dan kajian adalah berbentuk keratan rentas.

#### **Populasi dan Persampelan**

Populasi kajian pula terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani. Kajian ini juga menggunakan persampelan berstrata iaitu diambil dari kumpulan yang berbeza daripada sampel populasi, terdiri daripada pelajar-pelajar program Diploma Perakaunan (DIA), Diploma Pentadbiran Awam (DPA), Diploma Pengurusan Perbankan (DIB) dan Diploma Pengurusan Perniagaan (DBS). Persampelan ini meliputi pelajar-

pelajar dari setiap tahun pengajian bermula daripada tahun satu sehingga tahun tiga bagi Semester November 2001-April 2002.

Saiz sampel bagi kajian ini adalah seramai 143 orang dan agihan persampelan mengikut program pengajian adalah seperti berikut iaitu DIA (11.8%), DPA (9.2%), DBS (50.3%) dan DIB (28.7%).

#### **Kaedah Pengumpulan Data**

Sebanyak 150 borang soalselidik telah diedarkan kepada para pelajar di bilik kuliah mereka. Pemilihan pelajar dilakukan mengikut kedudukan mereka di dalam kelas. Setiap selang dua orang pelajar akan diberi borang soalselidik. Oleh sebab jumlah pelajar di dalam bilik kuliah berbeza, maka bilangan responden bagi setiap program juga turut berbeza. Borang soalselidik yang telah lengkap diisi dikutip sepuluh minit kemudiannya. Daripada jumlah tersebut, 143 borang soalselidik yang sesuai telah digunakan untuk analisis selanjutnya, manakala 7 borang soalselidik lagi tidak dapat digunakan kerana tidak lengkap.

Soalselidik ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian I adalah mengenai sekolah yang dihadiri sebelum memasuki IPT, Bahagian II adalah mengenai IPT sekarang, Bahagian III pula berkaitan dengan minat membaca bahan berbahasa Inggeris, Bahagian IV berkenaan pernyataan sikap dan Bahagian V adalah maklumat peribadi.

#### **HASIL KAJIAN**

Data dari kajian ini dianalisis menggunakan pakej '*Statistical Package in the Social Science*' (SPSS). Penemuan dan keputusan hasil analisis pula ditentukan berasaskan kepada tujuh kategori iaitu:

#### **Data deskriptif**

Analisis keputusan kajian dimulakan dengan huraian data deskriptif mengenai pelajar terlebih dahulu kerana penemuan mengenai peranan Bahasa Inggeris dalam menentukan kecemerlangan amat dipengaruhi oleh latarbelakang pelajar itu sendiri. Daripada 143 responden, 32.2% adalah lelaki dan 67.8% adalah perempuan di mana 88.1% pelajar berumur di antara 17 sehingga 20 tahun dan selebihnya berumur di antara 21 sehingga 30 tahun. Dari segi bangsa, 97.7% responden adalah Melayu, 1.4% adalah Bumiputera dan 0.7% berbangsa lain. Menurut lokasi tempat tinggal pula, 48.3% adalah dari bandar dan 51.7% dari luar bandar. Pendapatan keluarga responden pula terdiri daripada 25.2% berpendapatan di antara RM500 dan ke bawah, 30.8% di antara RM501-RM 1,000, 19.6% di antara RM1,001-RM1,500, 7.7% di antara RM 1,501-RM 2,000, 5.6% di antara RM2,001-RM3,000 dan 11.2% untuk RM3,001 ke atas.

Dari aspek pendidikan menengah, majoriti 94.4% responden mendapat pendidikan dari sekolah yang menggunakan bahasa pengantar Bahasa Melayu. 62.2% responden adalah dari sekolah menengah bandar, manakala 37.8% dari sekolah luar bandar. Jenis sekolah menengah yang dihadiri responden juga berbeza-beza, di mana 15.4% adalah sekolah berasrama penuh, 71.3% sekolah menengah harian dan 13.3% lain-lain. Aliran sekolah

menengah responden terdiri daripada aliran sains 32.2%, sastera 48.3% dan lain-lain 19.6%. Seterusnya dari aspek pencapaian Bahasa Inggeris di peringkat SPM, 11.9% mendapat keputusan cemerlang (A1-A2), 81.1% mendapat kepujian (C3-C6) dan 7% hanya lulus (P7-P8).

Manakala, dari aspek pendidikan mengikut tahun pengajian, 16.8% adalah tahun satu, 73.4% tahun dua dan 9.1% tahun tiga. Dari keseluruhan responden, 4.2% mempunyai CGPA di antara 3.50-4.00, 20.3% dengan CGPA di antara 3.00-3.49, 52.4% dengan CGPA di antara 2.50-2.99, 21.2% memperoleh CGPA di antara 2.00-2.49 dan 2.1% mempunyai CGPA kurang dari 2.00.

### **Analisis faktor**

Analisis faktor adalah bertujuan untuk mengurangkan bilangan pembolehubah melalui penyingkiran pembolehubah-pembolehubah yang tidak berkaitan atau tidak berkolerasi dan mengumpulkan pembolehubah-pembolehubah yang mendasari konsep yang sama dalam satu kumpulan yang sama. Kumpulan-kumpulan yang mengandungi pembolehubah ini kemudiannya diberi nama baru yang bersesuaian untuk menggambarkan pembolehubah-pembolehubah yang diwakilinya. Analisis faktor dijalankan dengan mengekal dan mengelompokkan dua puluh sembilan pembolehubah kepada empat dimensi utama iaitu peranan Bahasa Inggeris, minat terhadap Bahasa Inggeris, faktor keluarga dan kesukaran menguasai Bahasa Inggeris.

### **Teknik kebolehpercayaan**

Teknik pengukuran kebolehpercayaan '*Cronbach's Alpha*' pula digunakan untuk mengukur bagaimana setiap pembolehubah dalam satu dimensi berkolerasi di antara satu sama lain. Hasil analisis kebolehpercayaan bagi setiap dimensi ialah nilai alpha bersamaan dengan peranan Bahasa Inggeris (0.7055), minat terhadap Bahasa Inggeris (0.7500), faktor keluarga (0.7853) dan kesukaran menguasai Bahasa Inggeris (0.6275). Ini bermakna setiap pembolehubah tersebut diterima kebolehpercayaannya kerana nilai alpha yang dimiliki mereka adalah melebihi 0.6000.

### **Teknik deskriptif**

Teknik deskriptif digunakan untuk mengkaji distribusi setiap pembolehubah interval tersebut. Analisis ini akan menunjukkan min, mode dan median serta sisihan piawai bagi setiap pembolehubah. Hasil analisis deskriptif ditunjukkan dalam **Jadual 1** di bawah:

**Jadual 1: Hasil Analisis Deskriptif**

	<b>n</b>	<b>Min</b>	<b>Standard Deviation</b>	<b>Variance</b>
<b>Peranan BI</b>	143	58.8182	6.9410	48.1780
<b>Minat BI</b>	143	30.8601	5.2078	27.1210
<b>Keluarga</b>	143	7.22380	2.8070	7.87900
<b>Sukar BI</b>	143	12.3636	4.3420	18.8530
<b>Valid n (Listwise)</b>	143			

Keputusan di atas menunjukkan bahawa min bagi peranan Bahasa Inggeris ialah 58.8182 dan sisihan piawai 6.9410 serta varians 48.178. Ini bermakna secara purata responden bersetuju bahawa Bahasa Inggeris sememangnya berperanan dalam menentukan kejayaan cemerlang pelajar di IPT. Variansnya yang agak besar menggambarkan bahawa walaupun kebanyakan responden bersetuju tetapi mereka tidaklah sepakat tentang perkara ini.

Min bagi minat terhadap Bahasa Inggeris pula ialah 30.8601 dengan sisihan piawainya 5.2078 dan varians 27.1210. Keputusan ini menunjukkan bahawa responden juga bersetuju bahawa minat membaca bahan berbahasa Inggeris mempengaruhi peranan Bahasa Inggeris. Varians bagi minat Bahasa Inggeris juga didapati besar, oleh itu ia menggambarkan bahawa walaupun responden bersetuju tetapi mereka mempunyai pandangan yang berbeza-beza.

Seterusnya bagi faktor keluarga, min yang diperolehi ialah 7.2238 dengan sisihan piawai 2.8070 dan varians 7.8790. Hasil ini menunjukkan bahawa secara purata responden juga bersetuju bahawa faktor keluarga memainkan fungsi penting dalam menentukan sejauh mana Bahasa Inggeris berperanan terhadap kejayaan cemerlang pelajar. Varians bagi keluarga agak sederhana besar, oleh itu membayangkan bahawa secara purata responden bersetuju tetapi masih tidak sebulat suara.

Akhirnya bagi kesukaran menguasai Bahasa Inggeris, min yang dihasilkan ialah 12.3636 dengan sisihan piawai 4.3420 dan varians 18.8530. Keputusan ini menunjukkan bahawa responden secara puratanya kurang bersetuju bahawa kesukaran menguasai Bahasa Inggeris yang dihadapi semasa pengajian akan menentukan peranan Bahasa Inggeris terhadap kecemerlangan pelajar. Walaupun demikian, varians kesukaran menguasai Bahasa Inggeris yang besar menggambarkan responden tidak sekata dalam pemilihan mereka.

Kesimpulannya, hasil analisis secara purata menunjukkan responden bersetuju bahawa Bahasa Inggeris berperanan penting terhadap kejayaan cemerlang pelajar di IPT. Responden juga menyatakan persetujuan bahawa minat terhadap bahan bacaan berbahasa Inggeris serta faktor latarbelakang keluarga mempunyai pengaruh terhadap peranan Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, responden kurang bersetuju bahawa faktor kesukaran menguasai Bahasa Inggeris yang dihadapi semasa pengajian mempengaruhi peranan Bahasa Inggeris di dalam menentukan kecemerlangan pelajar. Meskipun demikian, dalam kedua-dua keadaan responden tidak bersependapat dengan pernyataan sikap mereka.

### **Teknik korelasi**

Analisis Koefisien Korelasi Pearson digunakan bagi menguji sama ada wujudnya perhubungan di antara dua pembolehubah. Hasil korelasi ditunjukkan dalam **Jadual 2** seperti berikut:

**Jadual 2: Hasil Korelasi Pearson**

	<b>Peranan BI</b>	<b>Minat BI</b>	<b>Keluarga</b>	<b>Sukar BI</b>
<b>Peranan BI</b>	1.0000			
<b>Minat BI</b>	0.6370 <sup>xx</sup>	1.0000		
<b>Keluarga</b>	0.1370	0.2180 <sup>xx</sup>	1.0000	
<b>Sukar BI</b>	- 0.2590 <sup>xx</sup>	- 0.3850 <sup>xx</sup>	- 0.3300	1.0000

<sup>xx</sup> Korelasi adalah signifikan pada  $\alpha=0.0100$  (two-tailed test)

Hasil dari analisis ini mendapati bahawa wujudnya perhubungan positif yang signifikan di antara pembolehubah peranan Bahasa Inggeris dengan pembolehubah minat terhadap Bahasa Inggeris (0.6370) pada  $\alpha=0.0100$  dan pada masa yang sama ia mempunyai hubungan yang negatif dengan pembolehubah kesukaran menguasai Bahasa Inggeris (0.2590). Pelajar-pelajar beranggapan bahawa Bahasa Inggeris memainkan peranan yang penting dalam menentukan kecemerlangan pelajar apabila minat mereka terhadap penguasaan bahasa tersebut tinggi, manakala peranan Bahasa Inggeris dianggap kurang penting apabila tahap kesukaran dalam menguasainya tinggi. Walau bagaimanapun, faktor keluarga tidak menunjukkan terdapatnya perhubungan yang signifikan secara langsung terhadap Bahasa Inggeris dalam menentukan kecemerlangan pelajar.

Hubungan positif yang signifikan juga didapati di antara pembolehubah minat terhadap Bahasa Inggeris dengan pembolehubah faktor keluarga (0.2180) pada  $\alpha = 0.0100$  dan pada masa yang sama ia mempunyai hubungan yang negatif dengan pembolehubah kesukaran menguasai Bahasa Inggeris (0.3850). Ini bermakna minat terhadap Bahasa Inggeris mempunyai hubungkait dengan faktor keluarga. Keluarga yang mempunyai tahap pendidikan dan ekonomi yang tinggi akan lebih cenderung dalam memupuk minat terhadap Bahasa Inggeris kepada anak-anak mereka. Oleh yang demikian, anak-anak mereka akan mempunyai minat yang tinggi terhadap Bahasa Inggeris. Pembolehubah minat terhadap Bahasa Inggeris pula mempunyai hubungan yang negatif dengan pembolehubah kesukaran menguasai Bahasa Inggeris. Dalam hal ini, kemungkinan semakin meningkatnya kesukaran dalam menguasai Bahasa Inggeris akan menyumbang kepada penurunan dalam minat terhadap bahasa tersebut. Namun begitu, tidak terdapat bukti perhubungan yang signifikan di antara pembolehubah faktor keluarga dengan pembolehubah kesukaran menguasai Bahasa Inggeris.

### **Analisis regresi**

Analisis regresi digunakan untuk menjelaskan perhubungan di antara dua atau lebih pembolehubah. Dalam analisis ini pembolehubah dibahagikan kepada dua iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar akan ditentukan setelah diberikan nilai pembolehubah tidak bersandar. Peratus perubahan pembolehubah bersandar dijelaskan oleh model regresi yang ditunjukkan oleh nilai Koefisien Penentuan R Kuasadua.

Analisis pertama mengambil peranan Bahasa Inggeris sebagai pembolehubah bersandar, manakala minat terhadap Bahasa Inggeris, faktor keluarga dan kesukaran menguasai Bahasa Inggeris sebagai pembolehubah tidak bersandar. Hasil regresi menunjukkan nilai R Kuasadua adalah 0.4050. Ini bermakna sebanyak 40.5% perubahan dalam pembolehubah bersandar peranan Bahasa Inggeris diterangkan oleh pembolehubah tak bersandar iaitu minat terhadap Bahasa Inggeris, faktor keluarga dan kesukaran menguasai Bahasa Inggeris. Sementara itu, nilai F yang diperolehi sebanyak 31.5960 adalah lebih besar berbanding dengan nilai  $F_{(3,139)}=2.6000$  untuk  $\alpha=0.0500$ . Ini bermakna model regresi yang diperolehi tersebut pada keseluruhannya adalah sah pada paras keyakinan 95% dalam menentukan perubahan peranan Bahasa Inggeris.

Analisis kedua mengambil minat terhadap Bahasa Inggeris sebagai pembolehubah bersandar, manakala faktor keluarga dan kesukaran menguasai Bahasa Inggeris sebagai pembolehubah tak bersandar. Hasil regresi nilai Koefisien Penentuan R Kuasadua yang diperolehi ialah 0.1900. Ini menunjukkan hanya 19% perubahan dalam pembolehubah bersandar minat terhadap Bahasa Inggeris diterangkan oleh pembolehubah tak bersandar iaitu kesukaran menguasai Bahasa Inggeris dan faktor keluarga, manakala 81% lagi ditentukan oleh faktor lain. Nilai F yang diperolehi pula adalah sebanyak 16.4210 iaitu lebih besar berbanding dengan nilai  $F_{(2,140)}=3.0000$  untuk  $\alpha=0.0500$ . Ini bermakna model regresi tersebut adalah sah pada paras keyakinan 95% atau dengan kata lain model regresi yang diperolehi secara keseluruhannya adalah signifikan dalam menentukan perubahan minat terhadap Bahasa Inggeris.

### Ujian hipotesis

#### Hipotesis 1

Hasil daripada kaedah Ujian-t mendapati bahawa nilai  $t=1.1720$  lebih kecil daripada nilai  $t=1.9600$  pada darjah kebebasan ( $d.f.$ )=141, ujian dua hujung untuk  $\alpha=0.0500$ . Ini menunjukkan bahawa pada paras keyakinan 95%, tidak terdapat perbezaan tanggapan yang signifikan secara statistik di antara pelajar lelaki dengan perempuan terhadap peranan Bahasa Inggeris sebagai penentu kejayaan cemerlang pelajar di IPT.

#### Hipotesis 2

Hasil daripada kaedah Analisis Varians (ANOVA) mendapati bahawa nilai  $F=0.2630$  lebih kecil berbanding nilai  $F_{(3,139)}=2.6000$  untuk  $\alpha=0.0500$ . Ini menunjukkan bahawa pada paras keyakinan 95%, tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara program pengajian terhadap peranan Bahasa Inggeris sebagai penentu kejayaan cemerlang pelajar di IPT. Ini menunjukkan peranan Bahasa Inggeris adalah sama bagi pelajar-pelajar program DIA, DPA, DIB dan DBS.

#### Hipotesis 3

Hasil daripada kaedah Analisis Varians (ANOVA) mendapati bahawa nilai  $F=3.5890$  lebih besar berbanding nilai  $F_{(3,139)}=2.6000$  untuk  $\alpha=0.0500$ . Ini menunjukkan bahawa pada paras keyakinan 95%, terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dari segi penggunaan bahan rujukan berbahasa



Inggeris terhadap peranan Bahasa Inggeris sebagai penentu kejayaan cemerlang pelajar di IPT.

#### Hipotesis 4

Hasil daripada kaedah Ujian-t mendapati bahawa nilai  $t=1.1160$  lebih kecil daripada nilai  $t=1.9600$  pada darjah kebebasan ( $d.f.$ )=141, ujian dua hujung untuk  $\alpha=0.0500$ . Ini menunjukkan bahawa pada paras keyakinan 95%, tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara pelajar lelaki dengan perempuan dari segi minat terhadap Bahasa Inggeris.

#### Hipotesis 5

Hasil daripada Ujian Khi Kuasadua yang dijalankan tidak dapat memberi keputusan yang bermakna sama ada terdapat hubungan dari segi pencapaian Bahasa Inggeris di peringkat SPM ke atas pencapaian CGPA pelajar. Ini adalah kerana terdapat 10 sel (66.7%) yang mempunyai pengiraan jangkaan kurang daripada 5 dan ia melebihi had 20% yang dibenarkan untuk mendapat keputusan Ujian Khi Kuasadua yang baik.

#### Hipotesis 6

Hasil daripada kaedah Analisis Varians (ANOVA) mendapati bahawa nilai  $F=0.8420$  lebih kecil berbanding nilai  $F_{(4,138)}=2.8700$  untuk  $\alpha=0.0500$ . Ini menunjukkan bahawa pada paras keyakinan 95%, tidak terdapat hubungan yang signifikan secara statistik di antara faktor latarbelakang keluarga terhadap peranan Bahasa Inggeris sebagai penentu kejayaan cemerlang pelajar di IPT.

#### Hipotesis 7

Hasil daripada kaedah Analisis Varians (ANOVA) mendapati bahawa nilai  $F=0.1100$  lebih kecil berbanding nilai  $F_{(2,140)}=3.0000$  untuk  $\alpha=0.0500$ . Ini menunjukkan bahawa pada paras keyakinan 95%, tidak ada perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahun pengajian dari segi kesukaran menguasai Bahasa Inggeris.

### **KESIMPULAN**

Kajian mendapati peranan Bahasa Inggeris dalam menentukan kecemerlangan pelajar mempunyai hubungan korelasi yang positif dengan minat terhadap Bahasa Inggeris tetapi sebaliknya mempunyai hubungan yang negatif dengan kesukaran untuk menguasai Bahasa Inggeris. Hasil analisis regresi menunjukkan bahawa faktor minat terhadap Bahasa Inggeris itu mempengaruhi 40.5% sahaja terhadap faktor peranan Bahasa Inggeris. Ini bermakna 59.5% faktor peranan Bahasa Inggeris tersebut sebagai penentu kejayaan cemerlang pelajar di IPT diterangkan oleh faktor-faktor lain. Kajian ini juga mendapati bahawa faktor latarbelakang keluarga seperti tahap pendidikan dan ekonomi mempunyai pengaruh yang kuat dalam membentuk minat pelajar terhadap Bahasa Inggeris. Berdasarkan analisis regresi, faktor keluarga dan kesukaran menguasai Bahasa Inggeris hanya menerangkan kira-kira 19% kepada keseluruhan perubahan faktor minat terhadap Bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahawa 81% faktor minat terhadap Bahasa Inggeris itu dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Secara keseluruhannya, kajian

ini dapat menyokong sebahagian besar kajian-kajian lepas ataupun pendapat-pendapat pihak tertentu.

### **CADANGAN**

Kajian ini hanya merupakan analisis awal terhadap permasalahan pelajar yang gagal mencapai kecemerlangan di IPT. Tumpuan kajian ini diberikan hanya terhad kepada analisis peranan Bahasa Inggeris dalam menentukan kecemerlangan pelajar. Penemuan yang diperolehi telah dibentangkan dan dianalisis dengan kaedah statistik yang mudah supaya ianya dapat difahami.

Di antara beberapa cadangan yang boleh dikemukakan dalam usaha meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan seterusnya membolehkan mereka mencapai kecemerlangan dalam segala aspek adalah:

- (a) Dwibahasa pengantar  
Disarankan supaya pihak Kerajaan dapat memberi pertimbangan yang adil terhadap kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat sekolah dan IPT. Walaupun ketika ini Kerajaan sedang berusaha memartabatkan Bahasa Melayu tetapi kepentingan Bahasa Inggeris sebagai satu bahasa antarabangsa perlu diambil perhatian. Oleh sebab objektif utama IPT adalah untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan serba boleh, maka pihak institusi perlu memastikan para pelajar mampu menguasai bahasa antarabangsa itu dengan baik.
- (b) Sikap  
Kajian juga menunjukkan bahawa salah satu faktor utama yang menghalang para pelajar mencapai kecemerlangan di IPT ialah sikap negatif dan kurangnya motivasi mereka terhadap Bahasa Inggeris yang akhirnya menyukarkan mereka menguasai bahasa tersebut. Sikap negatif sedemikian mungkin berpunca daripada pengaruh sosial, persekitaran ataupun faktor-faktor lain yang boleh menjadi batu penghalang kepada tahap pencapaian kefasihan Bahasa Inggeris yang diinginkan dan seterusnya boleh menjejaskan pencapaian prestasi cemerlang para pelajar terutamanya dalam bidang akademik. Dalam aspek ini ianya lebih mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu berbanding dengan bangsa-bangsa lain.

Sikap negatif ini perlulah dikikis dari dalam diri pelajar dan ianya boleh dilakukan dengan memberi pendedahan melalui galakan pembacaan dan komunikasi dalam Bahasa Inggeris ataupun lain-lain inisiatif. Secara tidak langsung, ini akan meningkatkan motivasi pelajar terhadap bahasa berkenaan. Jika kedua-dua faktor sikap dan motivasi ini positif, kebarangkalian untuk berjaya amatlah tinggi dan jika kedua-duanya negatif, kemungkinan besar beberapa usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu akan menjadi hambar.

- (c) **Faktor kerjaya**  
Kajian ini hanya mengambil kira beberapa faktor sebagai penyumbang kepada kepentingan peranan Bahasa Inggeris sebagai penentu kejayaan cemerlang pelajar di IPT. Masih banyak lagi faktor penting yang tidak diambilkira terutamanya faktor kerjaya. Pada masa kini, untuk bekerja di sektor-sektor swasta seperti agensi pelancongan, hotel, bank dan sebagainya yang bertaraf antarabangsa, penguasaan Bahasa Inggeris yang baik amat diperlukan. Tanpa penguasaan bahasa tersebut, peluang pekerjaan adalah terhad. Oleh itu, faktor kerjaya sepatutnya diberi penekanan kerana ia berkemungkinan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kepentingan peranan Bahasa Inggeris berbanding dengan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.
- (d) **Kajian lanjutan**  
Satu bentuk kajian lanjut untuk melihat faktor sebenar yang mendorong kepada penguasaan Bahasa Inggeris dan keberkesanan peranan bahasa tersebut terhadap kecemerlangan serta kerjaya masa depan seseorang boleh dikembangkan dari kajian ini.

## RUJUKAN

- Cooper, D.R. & Schindler, P.S. 1998. *Business Research Method*. 6<sup>th</sup> Ed. New York: Irwin McGraw-Hill.
- Davis, D. 1999. *Business Research for Decision Making*. 5<sup>th</sup> Ed. Duxbury: Pacific Grove.
- Isahak Haron. 1999. Senario Perkembangan Pendidikan Tinggi di Malaysia Masa Kini dan Pada Awal Alaf Baru. *Dewan Bahasa* 43 (9): 798 811.
- Kem Bahasa Inggeris Bantu Pelajar Tingkatkan Kemahiran. 2000. *Berita Harian*, 8 Julai: 2.
- Lemah Bahasa Inggeris, Matematik Punca Keciciran. 2000. *Berita Harian*, 3 Ogos: 3.
- Marzita Abdullah. 2000. Bahasa Inggeris: Kanak-kanak Bumiputera Lemah. *Utusan Malaysia*, 3 Ogos: 1.
- Mohd. Sheffie Abu Bakar. 1995. *Metodologi Penyelidikan*. Ed. Ke 2. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar, A.H. 1982. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlan Goddos. 1997. Pendidikan Hari Ini: Realiti, Isu dan Cabaran. *Berita IDS Development Review* 12 (2): 13 26

- Saadiah Maalip. 1998. Sikap Bahasa: Satu Kajian di Kalangan Pelajar Malaysia di Britain. *Jurnal Dewan Bahasa* September: 824-831
- Segaran, A.C. 1981. *Problems of Learning English As a Second Language*. Singapore: Singapore University Press.
- UIAM Pastikan Graduan Fasih Bahasa Asing. 2000. *Berita Harian*, 3 Ogos: 4.
- Uma Sekaran. 1992. *Research Methods for Business: A Skill-Building*. 2<sup>nd</sup> Ed. New York: John Wiley and Sons, Inc.
- Zulkifley Hamid. 1994. *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.